

TUMBUHNYA KEGIATAN BERORGANISASI ORANG MELAYU SARAWAK DARI ZAMAN BROOKE SEHINGGA 1949

Suffian Mansor*
Awang Azman Awang Pawi**

Abstrak

Kedatangan kuasa Barat ke Alam Melayu bukan sahaja menjajah rantau ini tetapi mempengaruhi kehidupan penduduk tempatan. Mereka membawa bersama-sama budaya dan memperkenalkan kepada masyarakat tempatan. Pelbagai budaya barat diperkenalkan kepada masyarakat tempatan sehingga masyarakat tempatan terikut-ikut dan menjadikan ia sebagai amalan budaya mereka sendiri. Sarawak juga tidak ketinggalan dalam menerima impak kedatangan kuasa Barat ini dengan munculnya gelanggang lumba kuda, pertandingan bola sepak, pembinaan rumah batu bergaya barat, pengenalan kenderaan bermoto, kapal terbang laut, radio dan sebagainya. Salah satu pengaruh besar ke atas penduduk tempatan di Sarawak adalah penubuhan kelab-kelab sosial. Di Kuching, penubuhan kelab-kelab sosial ini berkembang pesat pada tahun-tahun 1920an. Ia menjadi ikutan pula oleh anak muda Melayu Sarawak untuk mewujudkannya di kampung-kampung. Kelab-kelab yang diwujudkan ini juga adalah pelbagai dan mencakupi juga aktiviti sukan dan muzik. Kemunculan kelab-kelab ini memberi satu nilai tambah kepada usaha untuk menubuhkan persatuan. Oleh itu pada tahun-tahun 1930an pula muncul persatuan-persatuan sosial dan kadang kala bersifat politik di Sarawak. Kegiatan berpersatuan ini terus pada zaman pendudukan Jepun dan pentadbiran British. Penulisan artikel ini bertujuan untuk memaparkan bagaimana orang Melayu Sarawak menubuhkan kelab-kelab sosial sehingga membawa kepada kesedaran politik di Sarawak apabila munculnya Persatuan Melayu Sarawak. Kajian ini berdasarkan kaedah kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan untuk mendapat dapatan-dapatan menerusi sumber primari dan sekunder. Bahan-bahan primer digunakan terdiri daripada fail-fail dan dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Bahan sekunder pula terdiri daripada buku-buku yang berkaitan dengan tajuk perbincangan. Hasil kajian yang dibuat dalam artikel ini telah menunjukkan bahawa pengaruh berorganisasi dalam kalangan orang Melayu Sarawak tidak pernah padam. Ia bermula dengan kegiatan kelab

* Dr. Suffian Mansor merupakan Pensyarah Program Sejarah di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

** Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi merupakan Pensyarah di Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

sosial yang membina kekuatan orang Melayu untuk menterjemahkan ia dalam sebuah persatuan kebangsaan yang mempunyai aspirasi politik. Malahan usaha menyekat pergerakan berorganisasi ini tidak membantukan usaha orang Melayu untuk terus berorganisasi sehingga Sarawak mencapai kemerdekaan.

Kata Kunci: Sarawak, Orang Melayu, Kelab, Persatuan, PKMS

Pengenalan

Berbanding dengan Tanah Melayu mahupun Indonesia kegiatan berorganisasi di Sarawak lambat muncul. Ini boleh dikaitkan dengan peranan golongan pembesar tradisional masih kuat dalam kalangan penduduk Sarawak. Mereka dilantik oleh kerajaan Brooke untuk membantu pentadbiran di Sarawak. Malahan peranan mereka sebagai ketua masyarakat telah bertapak lama sebelum kedatangan Brooke lagi. Mereka telah menjadi pemimpin dan mengerakkan orang Melayu sejak dahulu. Oleh kerana itu agak sukar bagi kaum bukan anak pembesar untuk menonjol dalam politik. Namun demikian lambat mahupun tidak, perubahan tetap bertiup di Sarawak. Golongan muda atau pertengahan mula muncul dan menuntut ruang dalam politik Sarawak. Mereka ini cuba memecah dominasi kaum pembesar dalam politik dan pentadbiran. Kemunculan mereka bukan semata-mata kerana kuasa tetapi cuba mengorganisasi orang Melayu dalam satu kesatuan yang bersatu dan sejajar dengan perubahan di Sarawak ketika itu.

Dalam hal ini artikel ini cuba mencungkil dan meneliti kemunculan beberapa persatuan orang Melayu. Asas-asas penting dalam pembentukan persatuan ini juga perlu dilihat daripada pengaruh orang Barat. Orang Barat membawa idea-idea dari Eropah untuk diadakan di Sarawak. Secara tidak langsung idea-idea ini menjadi ikutan penduduk tempatan untuk berorganisasi. Hal ini dicerminkan dengan kegiatan-kegiatan berorganisasi penduduk tempatan yang menunjukkan mereka juga cuba mengikut jejak pertubuhan tertentu dalam mengembangkan kehidupan mereka dalam pelbagai bidang. Pada awalnya perkembangan ini bersifat kelab-kelab sosial yang tumbuh di kampung-kampung Melayu. Selepas itu pengaruh-pengaruh dari luar terutama dari Tanah Melayu meniup pula kesedaran orang Melayu tentang nasib bangsanya yang ketinggalan dalam era Brooke. Hal ini banyak dikupas oleh golongan pertengahan yang berpendidikan di Sarawak. Mereka ini tidak mahu kedudukan orang Melayu ketinggalan dalam perkembangan dan kemajuan dunia.

Perbincangan dalam artikel ini akan hanya menyentuh jangka masa antara zaman Brooke sehingga 1950. Perbincangan zaman Brooke ini hanya tertumpu kepada tahun 1920an kerana telah tumbuh pelbagai kelab yang didirikan oleh orang Melayu ketika itu. Selepas itu timbul kesedaran tinggi dalam kalangan golongan pertengahan Melayu untuk bersatu dan memajukan kaum mereka. Dalam era ini surat khabar dan penulisan tentang nasib orang Melayu dilihat agak menonjol. Perbincangan juga akan membincangkan zaman kekacauan kegiatan berpersatuan kalangan orang Melayu apabila Sarawak diserang dan ditawan oleh tentera Jepun. Zaman pendudukan Jepun agak malap sedikit gerakan berpersatuan dalam kalangan orang Melayu kerana kecurigaan tentera Jepun kepada aktiviti politik orang Melayu. Perbincangan diteruskan lagi dengan tamatnya pendudukan Jepun di Sarawak dan Sarawak menjadi tanah jajahan. Era ini menyaksikan pelbagai persatuan menentang penyerahan telah

wujud. Perbincangan ini berakhir sehingga pembunuhan Gabenor British pada tahun 1949. Sebelum menyelusuri perkembangan ini maka perlu dilihat dahulu perkembangan masyarakat Melayu sebelum adanya organisasi berpersatuan ini.

Kepimpinan Tradisional

Masyarakat Melayu Sarawak sebelum kedatangan kuasa Barat mempunyai satu struktur masyarakat berlapis dua. Pertama adalah golongan atasan yang terdiri daripada pembesar-pembesar tempatan. Di Sarawak tiga kelompok yang penting dalam menguasai kumpulan ini ialah Prabangan, Sharif dan Pengiran. Tambahan daripada itu terdapat juga Raden dan Gusti.¹ Namun dalam perkembangan sejarah Sarawak sejak dahulu tiga golongan awal tadi menguasai masyarakat Sarawak. Lapisan kedua masyarakat Melayu pula adalah golongan rakyat biasa yang dikenali sebagai pereman. Abang Yusuf Puteh mengembangkannya lagi kepada lebai, orang perentah dan orang berada.² Golongan bawahan ini menjadi penggerak kepada perkembangan sosial dan ekonomi. Ikatan antara pembesar dan masyarakat Melayu ini terjalin sejak berzaman sebelum kedatangan kuasa Barat.

Namun demikian, ikatan ini lebih kepada ikatan setempat dan mengikut pengaruh pembesar tersebut. Kebiasaannya pembesar ini mempunyai orang bawahannya dan hal ini terjadi apabila ia memerintah dan mentadbir kawasan tersebut. Penduduk setempat akan menghormati beliau dan akan menumpukan taat setia kepada pembesar ini. Oleh itu kegiatan politik, ekonomi dan sosial akan berlegar dalam kepimpinan pembesar ini. Pembesar ini boleh mengarah untuk mengadakan kegiatan sosial seperti hiburan. Penduduk setempat akan membawa dan membekalkan pelbagai peralatan untuk menjayakan acara tersebut. Penduduk tempatan ini juga akan membuat persembahan dalam kegiatan sosial tersebut bagi memeriahkan acara yang diminta oleh golongan pembesar. Hal ini menunjukkan bahawa kegiatan harian masyarakat tempatan akan digerakkan oleh pembesar tersebut. Keadaan ini berterusan sehingga kedatangan James Brooke ke Sarawak. James Brooke dan warisnya pula akan menggunakan kelebihan pembesar tempatan Sarawak ini juga untuk mengerakkan kerajaannya.

Pengaruh Barat

Di sebalik memberi kepercayaan terus kepada pembesar tempatan ini di Sarawak dalam pentadbiran kerajaan Brooke terdapat perkembangan baharu dibawah oleh pemerintah Brooke ini. Perkara baharu yang dibawa oleh mereka ini dikaitkan dengan amalan dan budaya kebiasaan mereka di Eropah. Antara budaya barat ini adalah penubuhan kelab sosial. Orang Barat sudah biasa dengan organisasi sosial seumpama ini. Malahan ia telah wujud sejak zaman Tamadun Greek lagi. Kemudiannya minat berorganisasi ini berkembang menjadi sebuah organisasi sosial yang melibatkan persamaan minat tetapi bukan ikatan kekeluargaan atau pertalian darah. Tambahan daripada itu kehadiran pegawai-pegawai Barat yang asing di bumi

1 Abang Yusuf Puteh, *A Profile of Sarawak Malays*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005, hlm. 137-140.
2 *Ibid.*, hlm.141.

Sarawak memerlukan satu tempat bagi mereka bersosial antara mereka seperti penubuhan *Sarawak Club*. Kelab ini ditubuh pada tahun 1876. Kelab ini bersifat eksklusif dan dikuasai oleh pegawai-pegawai Brooke dan selepas itu oleh pegawai kolonial. Kelab ini juga terhad kepada lelaki sahaja sebelum ia dibuka untuk perempuan pada tahun 1927. Bagi perempuan Barat pula mereka mempunyai kelab sendiri yang ditubuhkan pada tahun 1896.

Pada tahun 1899 telah ditubuh Sarawak Union Club. Keahliannya terbuka bukan setakat orang barat tetapi juga dalam kalangan orang Cina.³ Orang Barat ini juga mula menubuhkan beberapa kelab dan persatuan yang dikaitkan dengan sukan. Antara sukan yang digemari oleh orang Barat ketika itu ialah lumba kuda. Sebuah kelab lumba kuda yang dikenali sebagai *Sarawak Turf Club* yang ditubuhkan pada tahun 1924. Selain itu terdapat juga beberapa persatuan berbentuk persembahan atau hiburan seperti *Kuching Amateur Dramatic Society* (KADS). KADS ini juga pernah membuat persembahan pada Disember 1935 dengan persembahan seperti *Half an Hour, The Unforgivable* dan *The Death Trap*.⁴

Terdapat juga kelab-kelab yang ditubuhkan oleh jabatan-jabatan tertentu. Antaranya *The Sarawak Medical and Recreation Club*. Kelab ini merupakan kelab yang dianggotai oleh kakitangan jabatan tertentu. Atas ciri ini maka ahli-ahlinya juga terdiri daripada pelbagai bangsa dan bukan sahaja orang Barat. Orang Melayu juga menyertai kelab ini sebagai ahli.⁵

Penubuhan Kelab Melayu

Orang Sarawak termasuk orang Melayu mula terpengaruh dengan budaya popular masyarakat Barat. Sejalan dengan itu orang Melayu mula meniru penubuhan kelab sedemikian. Kelab pertama ditubuhkan adalah *Gersik Re-setia Jaya Club*. *Gersik Re-setia Jaya Club* merupakan kelab Melayu yang aktif di Sarawak. Antara aktiviti dijalankan oleh kelab ini ialah acara sukan. Kelab ini telah mengadakan pelbagai sukan moden seperti tenis, badminton, ping pong dan catur. Kelab ini juga mengadakan sukan untuk anak-anak ahli kelab.⁶ Kelab ini mempunyai objektif bukan setakat sosial tetapi juga dalam agama dan kebajikan. Selepas itu bercambah lagi beberapa kelab sosial dan interaksi masyarakat ditubuhkan seperti *Kampung Tanjung Club*, *Gersik Kesetiaan Jaya Club* dan *Sarawak Malay Tennis Club*. Kesemua kelab-kelab ini muncul di Kuching dan ditubuhkan sekitar tahun 1920an.⁷ Manakala di Sibu terdapatnya *Malay Union Club* yang ditubuhkan pada tahun 1934.

Walau bagaimanapun penubuhan kelab-kelab ini menjadi sasaran kritikan golongan intelektual Melayu. Golongan ini berpendapat bahawa orang Melayu telah mula dipengaruhi dengan budaya orang Barat. Malahan permainan tenis juga menjadi kritikan oleh golongan intelektual ini.⁸ Salah seorang daripada golongan intelektual ini ialah Muhammad Rakawi. Beliau dalam usaha menyedarkan masyarakat Melayu yang lalai dengan budaya barat dan budaya tradisional Melayu yang lain (seperti bergendang) telah disalurkan menerusi novel

3 Sarawak Gazette, January 2, 1936, hlm.17.

4 Sarawak Gazette, January 2, 1936, hlm.12.

5 Straits Budget, 17 October 1935, hlm.18

6 *Sarawak Gazette*, 1 March 1937, hlm.63.

7 Sanib Said, *Melayu Dibawah Brooke, 1841- 1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu, Sarawak Museum Journal*, Vol.XL, No.61 (New Series), December 1989, hlm. 93.

8 *Ibid.*

Melati Sarawak dan akhbar Fajar Sarawak.

Jikalau ditinjau hal ini secara umumnya masyarakat Melayu telah hanyut dan lalai dengan budaya hiburan barat. Mereka lebih suka berseronok-seronok dengan aktiviti kelab daripada maju ke hadapan dalam zaman Brooke. Di sebalik daripada itu, tumbuhnya kelab-kelab ini juga mempunyai kesan positifnya. Hal ini kerana orang Melayu telah tahu bagaimana untuk berorganisasi dan menyatukan kaumnya dalam kelab-kelab yang ditubuhkan. Malahan ia mengasaskan kepimpinan orang Melayu untuk memandu masyarakat Melayu ke arah sebuah badan organisasi yang teratur. Tambahan daripada itu ia dapat dilihat secara tidak langsung memecahkan tradisi feodal yang menguasai masyarakat Melayu yang hanya kepada golongan aristokrat sahaja. Namun demikian sejauh manakah penubuhan kelab-kelab ini menjadi pencetus kepada penubuhan persatuan politik agak kurang dipastikan.

Penubuhan persatuan-persatuan Melayu awal mempunyai hubungan dengan keadaan luar dan dalam Sarawak itu sendiri. Apa yang menariknya dalam membicarakan kegiatan berpersatuan di Sarawak, tumpuan akan dilihat di Kuching. Namun demikian persatuan Melayu awal adalah di Miri. Sebab penubuhan Persatuan Melayu Miri (PMM) amat kurang didedahkan. Maklumat yang diketahui ia ditubuhkan pada tahun 1936. Selepas itu tiada lagi maklumat lanjut tentang persatuan ini tetapi persatuan ini masih lagi bergerak aktif sehingga ke hari ini. Selain PMM ini telah ada kelab-kelab di Miri seperti Darul Mashurat Club sebagai sebuah kelab sosial. Namun demikian persatuan yang amat berpengaruh selepas itu adalah Persatuan Melayu Sarawak (PMS) dan kemudian dikenali sebagai Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS). Penubuhan PKMS ini seolah-olah sama dengan tumbuhnya persatuan-persatuan Melayu di Tanah Melayu. Kebanyakan persatuan ini ditubuhkan hampir sama dengan tahun penubuhan PKMS iaitu 1939. Adakah ini bermakna bahawa perkembangan di Tanah Melayu diikuti disahut juga di Sarawak? Dalam hal ini hubungan Sarawak dan Tanah Melayu dalam pelbagai aspek boleh dianggap telah ada. Singapura menjadi penyambung kepada hubungan antara kedua belah wilayah ini. Malahan Jawi Peranakan yang dicetak di Singapura juga diedar ke Sarawak. Manakala beberapa pelajar Sarawak juga pernah mengikuti pengajian di Maktab Perguruan Sultan Idris.⁹ Ada juga yang dihantar ke Kolej Melayu Kuala Kangsar.¹⁰ Ibrahim Ya'akub dalam menjayakan konsep Melayu Raya pernah menubuhkan sebuah persatuan sulit dikenali sebagai Ikatan Semenanjung Borneo.¹¹ Namun demikian persatuan ini tidak banyak diketahui aktivitiinya. Satu lagi ikatan antara Tanah Melayu dan Sarawak adalah terdapatnya cawangan Persaudaraan Sahabat Pena (PENA) di Sarawak.¹²

PENA atau PASPAM ini ditubuhkan pada sekitar tahun 1936 diketuai oleh Datu Amar Abang Suleiman selaku presidennya. PENA yang ditubuhkan di 7 April 1934 oleh intelektual Melayu di Tanah Melayu. Persatuan ini merupakan idea daripada pengarang dari surat khabar Saudara daripada Kelantan iaitu Arifin Ishak. Arifin berharap agar kelab ini menjadi satu kelab yang dapat memajukan persuratan Melayu dan pertukaran pendapat serta buah fikiran yang berguna antara orang Melayu secara keseluruhannya.¹³ Sasaran awal

9 CO802/2 Sarawak: Administration Report for 1936, hlm. 22.

10 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Melayu Sarawak Pramerdeka*, Sib: Vicskill Sdn. Bhd., 1995, hlm. 78. Cucu Abang Abdillah pernah dihantar ke Kolej Melayu Kuala Kangsar.

11 Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Sastera, 1999, h. 45.

12 Mohd. Hasbie bin Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, Johor Bahru: PGI Cipta Sdn. Bhd., 2004, hlm. 25.

13 William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 236-237.

PASPAM ini adalah di Tanah Melayu tetapi telah berkembang ke Sarawak termasuk Brunei dan Sabah. Persatuan ini merupakan persatuan sosial yang berkaitan untuk memajukan bidang bahasa dan kesusasteraan. Cawangannya di Sarawak mempunyai keahlian sekitar 80 orang.¹⁴

Perkembangan yang dibincangkan tadi menunjukkan bahawa perkembangan di Tanah Melayu merupakan antara faktor yang mendorong orang Melayu Sarawak berorganisasi. Penubuhan PKMS hasil daripada cadangan Rakawi Yusuf. Namun demikian, beliau tidak sempat melihat tertubuhnya persatuan ini kerana beliau telah pergi dahulu daripada tertubuhnya persatuan tersebut. Namun demikian beliau (dan rakan-rakan beliau) sempat merangka perlembagaan persatuan tersebut. Penubuhan PKMS bukannya ditubuhkan dengan mudah. Hal ini kerana ia dicurigai oleh pembesar dan kerajaan. Usaha penubuhan PKMS seolah-olah menjadi cabaran kepada peranan yang dipegang oleh pembesar Melayu ketika itu. Bagi Brooke walaupun tidak ada bukti jelas, namun beliau turut risau akan kesan daripada penubuhan persatuan ini. Dikatakan 40 pemimpin Melayu meninggalkan mesyuarat pertama PKMS daripada 72 yang hadir kerana takut kepada pembesar Melayu.¹⁵ Atas sebab itu dari tahun 1937 sehingga 1939, PKMS merupakan pertubuhan tidak berdaftar.¹⁶ Satu kompromi telah dibuat dengan melantik Abang Abdillah sebagai penaung dan Abang Sulaiman sebagai presiden.¹⁷ Berdasarkan kompromi ini maka pada 10 Oktober 1939 secara rasminya PKMS didaftarkan. Kompromi ini mengesahkan terdapat kekuatiran dalam kalangan pembesar Melayu dan kerajaan Brooke tentang kewujudan persatuan ini. Menurut R. H. W. Reece, PKMS dianggap sebagai persatuan sosial.¹⁸ Hal ini kerana objektif PKMS adalah untuk menyatukan orang Melayu, memajukan ekonomi, pendidikan, budaya dan Bahasa Melayu, memelihara agama Islam dan menjadi penghubung antara orang Melayu dan pihak kerajaan.¹⁹ Sambutan kepada penubuhan PKMS amat menggalakkan dan ini dibuktikan dengan aktifnya ahli-ahli PKMS menjalin hubungan dengan kelab-kelab sosial di serata negeri Sarawak. Malahan mereka tidak ada masalah untuk membayar balik pinjaman daripada Bank Kwong Lee yang berjumlah \$6500. Manakala dalam tempoh tiga bulan wang yang digunakan untuk membeli bangunan pejabat PKMS berjaya dilangsaikan dengan adanya sumbangan daripada orang ramai. Keaktifan PKMS terserlah juga dengan mengumpul dana sebanyak \$5000 untuk menubuh syarikat kerjasama. Bidang keagamaan pula berusaha mendirikan sebuah sekolah agama. Derma-derma telah dipungut untuk tujuan tersebut.²⁰

Keaktifan PKMS akhirnya terhenti apabila Jepun menyerang dan menduduki Sarawak. Pergerakan PKMS telah terhenti sepenuhnya semasa zaman Jepun kerana pentadbir Jepun melarang PKMS untuk bergerak aktif. Bagi Jepun PKMS adalah pertubuhan politik dan boleh membahayakan kedudukan mereka di Sarawak.²¹ Akibat daripada tindakan Jepun ini maka PKMS gagal melaksanakan usaha-usaha kemajuan seterusnya bagi meningkatkan taraf hidup orang Melayu. Semasa penduduk Jepun ini hanya persatuan yang mendapat kepercayaan

14 Sarawak Gazette, 1 February 1936, hlm. 40.

15 Mohd. Hasbie bin Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm.41.

16 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]*, hlm.24.

17 Mohd. Hasbie bin Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm.41.

18 R. H. W. Reece, *The Name of Brooke: The end of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1993, hlm.134.

19 Reece, *The Name of Brooke: The end of White Rajah Rule in Sarawak*, hlm.134 dan Mohd. Hasbie bin Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm.30-31.

20 Mohd. Hasbie bin Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm.33-34.

21 *Ibid.*, hlm.39.

tentera Jepun sahaja dibenarkan bergerak. Persatuan-persatuan ini kebanyakannya dari kalangan bukan orang Melayu. Persatuan-persatuan ini pula bergerak atas landasan pro-Jepun seperti *Indian National Army* (INA). Manakala persatuan kaum ibu juga digerakkan bagi membantu pentadbiran Jepun untuk mendapat dana kewangan. Terdapat tiga persatuan kaum ibu berdasarkan kaum diwujudkan iaitu dalam kalangan orang Melayu, Cina, Dayak dan India. Jikalau dilihat dalam hal ini orang Melayu dibenarkan berpersatuan tetapi perlu memberi sokongan kepada tentera Jepun di Sarawak.

Pemerintah British

Apabila rancangan untuk menyerahkan Sarawak kepada British, PKMS menjadi pertubuhan yang awal menentang rancangan ini. Atas sebab ini jugalah PKMS dikritik oleh pihak British dengan pelbagai tuduhan yang negatif. Antara perkara yang diketengahkan adalah PKMS sebagai sebuah pertubuhan yang tidak mewakili keseluruhan orang Melayu Sarawak. Rees William dan Gammans yang ditugaskan untuk meninjau sokongan penduduk Sarawak tentang penyerahan Sarawak kepada British telah menyatakan bahawa PKMS sebuah badan yang tidak penting dan hanya mempunyai keahlian seramai tidak lebih daripada 2,400 berbanding dengan jumlah penduduk Melayu yang seramai kira-kira 125,000 orang. Malahan pihak British menafikan PKMS mempunyai keahlian yang ramai iaitu 7,800 orang. Pihak British mendakwa PKMS hanya mempunyai keahlian beberatus orang sahaja.²² Seterusnya tuduhan British pula menyatakan Presidennya Abang Haji Zaini melindungi pemimpin ekstremis dari Indonesia, iaitu Haji Kasruddin Rasul.²³ Walaupun ada kritikan seumpama itu, PKMS meneruskan perjuangan mereka menentang penyerahan. Antara usaha yang mereka lakukan adalah mengadakan demonstrasi, menampal poster, memberi penerangan ke kampung-kampung dan menghantar surat bantahan ke London.

Malahan pihak British menuduh PKMS sebagai sebuah organisasi orang Melayu yang takut hilang keistimewaan mereka di dalam pentadbiran Sarawak. Hal ini dinyatakan seperti berikut, “[t]he organisation [PKMS] is directed by that small ceterie [coterie?] of Kuching Malays who under the Brooke regime enjoyed a particularly favoured official and social position.”²⁴ Kenyataan British terhadap PKMS ini bertentangan dengan kenyataan BMA. Dalam laporan BMA menyatakan:

*Malay National Union of Sarawak is society alleged to represent all Malay population of Sarawak. Is well established and has branches in each Division and most Kampongs. Previously it not shown much sign of life but is now taking keen interest in future.*²⁵

22 CO537/3764, Politic Intelligence Report, 31st July 1948

23 CO537/3764, Politic Intelligence Report, 31st July 1948,

24 CO537/1645, Letter from Private Secretary to His Excellency the Governor to N. L. Mayle, 20th December, 1946.

25 CO537/1642, Information from Sarawak concerning the Reactions of the population towards the Rajah's proposals, 22nd February 1946,

Apa yang menariknya dalam pergerakan anti-penyERAHAN ini ialah bercambahnya beberapa persatuan menentang penyerahan di hampir setiap daerah di Sarawak. Antara yang aktif adalah Angkatan Semangat Anak Sarawak (ASAS), Barisan Pemuda Sarawak (BPS) dan Pergerakan Pemuda Melayu (PPM). Salah satu ciri utama tiga persatuan Melayu ini ialah ia dipimpin oleh golongan pemuda. ASAS dipimpin oleh anak presiden PKMS, Abang Haji Zaini Bin Datu Bentara iaitu Abang Ikhwan selaku setiausaha agong. Abang Ikhwan merupakan seorang wartawan Melayu yang aktif dalam mengendali surat khabar kedua berbahasa Melayu iaitu Utusan Sarawak. Beliau juga adalah bekas kerani kerajaan. Selain beliau beberapa lagi pemimpin lain ialah Haji Busrah, Dol Bin Osman, Abdillah Bohari dan Abang Haji Jaya Bin Datu Bentara.²⁶ Keahlian ASAS terbuka kepada semua kaum Bumiputera. Tujuan penubuhan ASAS untuk memperjuangkan dan membela nasib kaum Bumiputera yang dikatakan terhalang akibat penyerahan Sarawak kepada British. Mereka mengutuk penyerahan Sarawak yang dianggap sebagai tidak sah dan berlawanan dengan prinsip demokrasi.²⁷ Walaupun ASAS dilihat anti-penyERAHAN tetapi mereka juga menuntut beberapa perkara harus dipulihkan yang berkaitan dengan Perkeliling No. 9 yang menyebabkan ramai kakitangan kerajaan terutama guru-guru Melayu meletak jawatan. Mereka juga berharap agar pihak kerajaan membuka semula sekolah-sekolah yang telah ditutup dan akan berkerjasama dengan pihak kerajaan dalam memajukan pendidikan anak negeri Sarawak.²⁸

Manakala BPS pula ditubuhkan oleh cucu Datu Patinggi Abang Abdillah iaitu Abang Kassim, dan seorang lagi perjuang anti-penyERAHAN iaitu Su'ut Haji Tahir. Persatuan ini mempunyai hubungan dengan pemimpin dari Singapura kerana penasihat persatuan ini ialah Shakawi bin Othman. Shakawi dikatakan oleh British sebagai seorang yang anti-British dan anti-penyERAHAN.²⁹ BPS ditubuhkan pada tahun 1947 dan menyatakan bahawa mereka mempunyai keahlian seramai 3000 dengan 2000 penyokong.³⁰ BPS bukan semata-mata persatuan orang Melayu tetapi juga dibuka kepada bumiputera lain.³¹ Kepimpinan BPS terdiri daripada cucu Abang Abdillah iaitu Abang Mohammad Kasim, Muhamad Nor, Johari Bojeng dan Haji Su'ut Tahir. Ma'tlamat BPS adalah untuk membangunkan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik untuk orang Melayu.³² Namun demikian, tujuan penubuhan BPS ini adalah untuk mengembangkan usaha penentangan penyerahan bukan setakat dalam kalangan orang Melayu tetapi keseluruhan kaum bumiputera.³³ Selepas tamatnya anti-penyERAHAN BPS masih lagi sebuah pertubuhan yang bergerak aktif. Malahan ia mempunyai cawangan-cawangan di Kanowit, Belaga, Binatang (Bintangor) dan Kapit.³⁴ Pada tahun 1958, BPS telah dipimpin

26 Surat Setiausaha Agong ASAS kepada the Deputy Registrar, Kuching, 16th April 1947, FCO141/12405 and Surat Setiausaha Agong ASAS kepada the Deputy Registrar, Kuching, 9th August 1947, FCO141/12405.

27 FCO141/12405, Surat Haji Busrah, Presiden ASAS kepada Honourable Chief Secretary, Kuching, 4th September 1947,

28 FCO141/12405, Surat Haji Busrah, Presiden ASAS kepada Setiausaha Bagi Hal Ehwal Bumiputera, Kuching, 15th October 1947,

29 CO537/3764, Politic Intelligence Report, 31st July 1948.

30 Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm.54.

31 Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2010, hlm.63.

32 FCO141/12344, Kuching Sector Security Report, Secret, 25.6.47, FCO141/12344.

33 *Sinar Sarawak*, 22 Ogos 1978, h.8.

34 Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966*, hlm. 64.

oleh Ahmad Zaidi Adruce. Kehadiran Ahmad Zaidi sebagai presiden membantu menaikkan nama BPS sebagai salah sebuah persatuan berpengaruh.³⁵ Walau bagaimanapun Ahmad Zaidi tidak menggunakan kekuatan BPS untuk menjadi badan politik kerana beliau mahu ia seharusnya menumpukan kepada soal sosial sahaja.

Sementara itu PPM pula ditubuhkan di luar Kuching iaitu di Sibul. Persatuan ini diketuai oleh Sirat Haji Yaman selaku presidennya. Manakala Awang Ramli dilantik sebagai setiausaha agongnya. Pemimpin yang lain ialah Ahmad Abet dan Abang Han. Pemimpinnya, iaitu Awang Ramli dituduh oleh British sebagai seorang penjenayah dan pernah dipenjarakan. PPM mempunyai keahlian seramai kira-kira 30,000 orang. Manakala cawangannya berada di Kanowit, Song, Kapit, Belaga, Binatang, Sarekei, Matu, Daro, Igan, Dalat, Oya dan Mukah.³⁶ Persatuan ini menjalin kerjasama dengan BPS dan PKMS. Apabila PPM merasakan bahawa semua cara gagal digunakan untuk memadamkan penyerahan maka PPM menggunakan cara kekerasan untuk melawan pihak penjajah. Atas sebab itu sebuah kumpulan sulit yang berjumlah 13 orang dan dikenali sebagai Rukun 13 untuk merancang melakukan pembunuhan ke atas pegawai-pegawai British.³⁷ PPM ini mempunyai hubungan rapat dengan salah satu lagi persatuan di Bahagian Ketiga yang menyatukan orang Melayu dan Melanau, iaitu Kesetiaan Kaum Muda Melayu Melanau (KKMMM). KKMMM bergiat aktif di kawasan orang Melanau di Matu dan mempunyai keahlian seramai 515 orang.³⁸

Jikalau diamati ketiga-tiga persatuan ini, ia cuba menjarakkan diri mereka dengan gerakan PKMS yang dikuasai oleh golongan tua. Hal ini bukan bermaksud bahawa mereka memutuskan hubungan terus dengan PKMS. Penubuhan ketiga-tiga persatuan ini mencerminkan kemahuan pemimpin muda Melayu untuk berjuang dengan cara mereka sendiri bebas daripada kongkongan golongan tua dalam PKMS. Selain ketiga-tiga persatuan ini terdapat kira-kira 52 buah lagi persatuan anti penyerahan di Sarawak. Antara yang aktif adalah Kaum Ibu PKMS. Kaum Ibu PKMS cuba membuktikan perjuangan anti-penyerahan adalah perjuangan kaum wanita juga. Oleh itu mereka menyatakan bahawa,

... kami kaum wanita ada-lah mempunyai hak seperti kaum bapa juga terutama sekali berkenaan dengan perkara yang maha penting ya'ni so'alan kemerdekaan Bangsa dan Nosa. Maka oleh kerana itu terwajib-lah kami kaum wanita Sarawak berdiri bersama2 dengan kaum bapa mengambil langkah untuk membelakan HAK PESAKA nenek dato kami, negara Sarawak Merdeka.³⁹

Antara usaha dijalankan oleh kaum ibu adalah mengadakan demonstrasi membantah penyerahan Sarawak kepada British. Salah satu corak yang menarik dalam pertumbuhan persatuan anti-penyerahan di Sarawak ialah bersifat menyeluruh. Dalam aspek ini PPM menunjukkan bahawa kesedaran berpersatuan tidak hanya berlaku di Kuching mahupun Sibul

35 Safri A. Zaidell, *Yesterday: A Better Tomorrow*, 2009, hlm.181-182.

36 Interview with Abang Han Abang Ahmad, April 1975, 1978 dari Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm.49.

37 Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]*, hlm.58.

38 FO371/84678, Copy of Sarawak telegram No.29 dated 24th January, 1950.

39 FCO144/12404, Surat Anggota2 Kaum Ibu PMS kepada Sir Charles Noble Arden Clarke. Kuching, 24 March, 1947.

sahaja (ataupun Miri). Malahan penduduk Melayu dan bumiputera di beberapa bandar kecil dan luar bandar juga terpenggil menubuhkan persatuan seumpama ini. Persatuan Melayu Melayu Limbang dan Kesetiaan Kaum Muda Matu adalah antara contoh terbaik. Walaupun Sanib melihat kedua-dua persatuan ini tidaklah aktif semasa pergerakan anti-penyerahan tetapi pertumbuhan mereka menunjukkan adanya minat dan semangat untuk berorganisasi dalam lapangan politik. Persatuan Melayu Limbang misalnya bukan sahaja dianggotai oleh orang Melayu tetapi juga disertai oleh orang Kadayan. Antara pemimpin Kadayan yang menyertainya ialah TK Haji Mulok bin Lampong, TK Tuan Haji Haasan bin Raba, TK Ali bin Lampong, TK Haji Berudin bin Judin dan TK Haji Mudin bin Tunggai. Manakala pengasas persatuan ini ialah Haji Sulaiman bin Masri. Persatuan ini juga pernah menghantar wakil ke Kuching untuk membincangkan soal anti-penyerahan.⁴⁰ Manakala Kesetiaan Kaum Muda Matu pula tidak banyak diketahui tentang pertubuhan ini. Namun dalam rekod-rekod British menunjukkan persatuan ini tidaklah dianggap tidak aktif tetapi agak bersemangat dan sering berhubung dengan PKMS dan PPM untuk mendapat maklumat daripada perkembangan anti-penyerahan.

Selain itu terdapat juga beberapa lagi persatuan yang dinyatakan oleh Sanib dalam bukunya iaitu Persatuan Bumiputera Sarawak (PBS), Persatuan Melayu Limbang, Perhimpunan Kebajikan Awam, Kesetiaan Melayu Simanggang, Kesetiaan Club Dalat, Sulam Mas Seria dan Kaum Ibu PPM serta Angkatan Bintawa-Astana Sarawak (ABAS).⁴¹ Selain di Sarawak pergerakan anti-penyerahan juga bergerak di Singapura. Sebuah pertubuhan Melayu telah ditubuhkan di Singapura iaitu *United Sarawak National Association* (USNA). Persatuan ini dipimpin oleh Abang Mohamad Haji Kipli bin T.K. Abang Osman, Abang Sirat bin Abdul Rahim, Anuar bin Tuah, Abang Sabul dan Abang Diwa'an.⁴²

Dalam tekanan yang kuat untuk melawan penyerahan, golongan Melayu yang menyokong penyerahan mula terasa akibatnya. Pepecahan orang Melayu amat ketara pada waktu tersebut. Pulau memulau berlaku sama ada dalam ibadah sembahyang, kenduri kahwin mahupun kematian. Malahan anak-anak kecil juga mendapat tempias daripada masalah ini.⁴³ Akibatnya Persatuan Pemuda Melayu atau *Young Malay Association* (YMA) telah ditubuhkan pada 4 Jun 1946. YMA dipimpin oleh Abang Mustapha. Tujuan penubuhan YMA adalah untuk membantu penyokong-penyokong penyerahan daripada pemuluan dari golongan anti-penyerahan. Persatuan ini juga menubuhkan cawangannya di beberapa tempat di Sarawak seperti Sibu, Kalaka, Miri dan Kampung Sambir.⁴⁴ Rajah Vyner Brooke pula memberi sokongan kepada YMA untuk terus bertahan dalam suasana pemuluan dengan wang sebanyak \$2000.⁴⁵ Menurut Bob Reece Raja Vyner Brooke telah menyumbang sebanyak £10,000 kepada pertubuhan ini. YMA telah menubuh cawangannya di Bahagian Pertama dan Kedua.⁴⁶

YMA dikatakan cuba menarik sokongan golongan anti-penyerahan dengan menyatakan bahawa anak mereka tidak akan dapat bersekolah di sekolah kerajaan. Walau

40 Haji Said Bin Haji Mohidin, *Pemberontakan Di Brunei 1962*, Limbang: Haji Said Bin Haji Mohidin, 2010, hlm.15 dan 17.

41 Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966*, hlm.64.

42 FCO141/12344, Kuching Sector Security Report, Secret, 25.6.47,

43 Safri A. Zaidell, *Yesterday: A Better Tomorrow*, 2009, hlm.74.

44 Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966*, Kota Samarahan: UNIMAS, 2010, h.62.

45 Reece, *The Name of Brooke: The end of White Rajah Rule in Sarawak*, hlm. 252.

46 Bob Reece, *Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, Kuching, Sarawak Literary Society, 1993, hlm.106-107.

bagaimanapun usaha ini dianggap tidak berjaya meyakinkan penyokong anti-penyerahan untuk menyertai golongan anti-penyerahan.⁴⁷ Walau bagaimanapun dua ahlinya di Sibu iaitu Mohd. Mokhtar bin Bakip dan Mohd. Kipli bin Osman menimbul keresahan kepada pergerakan tersebut kerana telah bersama-sama kumpulan anti-penyerahan menghantar surat bantahan kepada Perdana Menteri Britain. Namun YMA di Sibu menyatakan mereka mempunyai dasar yang sama dengan pihak ibu pejabat.⁴⁸

Sementara itu, beberapa buah persatuan yang ditubuhkan oleh rakyat Indonesia di Sarawak. Salah satu daripadanya ialah Kesatuan Rakyat Indonesia Sarawak (KRIS). Persatuan ini dipimpin oleh Seman atau Osman. Pihak British menuduh Seman sebagai pendatang tanpa izin dan nama sebenar Seman adalah Semiran. Semiran ini disyaki sebagai orang yang dikehendaki oleh Belanda kerana kes pembunuhan beramai-ramai di Bengkayang. Selain beliau dua lagi pemimpin KRIS iaitu Zainudin Abas dan Panglima Jaya dikatakan sebagai penghasut. Sebuah lagi persatuan rakyat Indonesia ditubuhkan adalah Perpaduan Rakyat. Persatuan ini ditubuhkan di Miri. Manakala pemimpinya iaitu Amir dikatakan seorang pemimpin berhaluan kiri.⁴⁹ KRIS akhirnya diharamkan di Sarawak apabila diketahui mempunyai motif untuk menjalankan aktiviti mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di Sarawak dalam usaha Indonesia untuk menyatukan Sarawak dengan wilayah Indonesia.⁵⁰

Pengharaman KRIS tidak mengganggu aktiviti persatuan yang menentang penyerahan dan usaha mengaitkan KRIS dengan gerakan anti penyerahan pula tidak dibuktikan. Namun demikian, gerakan anti penyerahan ini mengalami tekanan lebih hebat apabila Rukun 13 sekumpulan kecil anak muda dalam PPM merancang membunuh pegawai kerajaan.⁵¹ Rentetan daripada itu maka berlaku pembunuhan ke atas gabenor Sarawak, iaitu Sir Duncan Stewart. Gabenor tersebut telah ditikam oleh Rosli Dhoby pada 3 Disember 1949 di Sibu. Beliau meninggal dunia pada 10 Disember 1949.⁵² Kejadian ini membawa kepada tindakan lebih tegas pihak British ke atas perjuangan anti-penyerahan. Ramai yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa. Rosli dan beberapa pemimpin telah dibicarakan dan dijatuhkan hukuman mati. Ada juga yang melarikan diri bagi mengelak ditangkap oleh pihak berkuasa. Manakala beberapa persatuan diharamkan seperti KKMMM.⁵³ Tekanan pihak kerajaan British ini membawa kepada kebimbangan kepada usaha bergerak dalam berpersatuan di Sarawak dalam kalangan orang Melayu. Tekanan ini jelas berlaku ke atas PKMS yang gagal mendapat sokongan untuk meneruskan perjuangan mereka menentang penyerahan. Akhirnya PKMS mengambil keputusan untuk meneruskan perjuangan asalnya untuk membela nasib orang Melayu Sarawak.⁵⁴

47 Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966*, hlm.62.

48 FCO141/12344, Kuching Sector Security Report, Secret, 28th February 1947,

49 CO537/3764, Politic Intelligence Report, 31st July 1948.

50 FO371/84678, Extract from Confidential letter No.7/S/209 from Mr. C. W. Dawson, O.A.G. Sarawak to Mr. Higham dated 13th October, 1949.

51 Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya, 2018, hlm.75.

52 The Singapore Free Press, 5 December 1949, hlm.1.

53 FO371/84678, Copy of Sarawak telegram No.29 dated 24th January, 1950.

54 Ahmad Bin Sabu, Mohd. Zain Bin Abang Ismail dan Samsol Bin Morshidi Bujang, *Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak: 80 Tahun Meniti Waktu*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 2020, hlm.69-70.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya pergerakan bepersatuan di Sarawak berkembang mengikut perkembangan semasa. Pengaruh barat ke atas penduduk tempatan membawa kepada pergerakan bercorak hiburan dan sukan. Namun golongan intelektual memikirkan bahawa hal ini perlu diperkasakan lagi dengan organisasi yang lebih serius untuk membaiki taraf hidup masyarakat Melayu. Dalam hal ini perkembangan semasa ketika itu membawa kepada keperluan sebuah organisasi yang penting untuk membela nasib bangsa. Ini kerana golongan menengah Melayu mula memikirkan hal ini apabila mereka melihat kepesatan jiran tetangga Sarawak yang mengerakkan persatuan yang membela nasib bangsa Melayu. Atas sebab itu munculnya PKMS. PKMS telah menjadi persatuan yang berfungsi selari dengan persatuan Melayu di negeri-negeri Melayu. Nasib PKMS untuk memajukan orang Melayu terbantut dengan pendudukan Jepun dan isu penyerahan Sarawak kepada British.

Zaman British, PKMS mengambil corak persatuan berpolitik dan juga tumbuhnya beberapa kesatuan orang muda Melayu yang juga berperanan sebagai perjuangan politik untuk menentang penyerahan Sarawak kepada pihak British. Pelbagai persatuan telah muncul ketika itu untuk memperjuangkan hak Sarawak sebagai sebuah negeri yang merdeka daripada British. Momentum mereka kendur apabila gabenor British dibunuh. British bertindak keras keatas persatuan-persatuan yang anti-penyerahan ini. Hal ini menyebabkan orang Melayu mulai bimbang untuk berpolitik. BPS misalnya tidak mahu berpolitik tetapi lebih kepada kegiatan sosial. Malahan apabila pihak British membuat pembaharuan politik dengan mengadakan pilihan raya, orang Melayu agak lambat untuk bertindak balas. Mereka hanya teruja menubuhkan parti politik apabila orang Cina lebih kehadapan dalam usaha penubuhan parti politik.

Bibliografi

Sumber Primer

- CO537/1642 Local Reactions to Ceding of Sarawak 1946.
 CO537/1645 Sarawak Political Reports by Mr A.J.W. Hockenhull, 1946.
 CO537/3764 Political Intelligence-Reports from Sarawak.
 CO802/2 Political Intelligence-Reports from Sarawak.
 FCO141/12344 Sarawak reports on anti-Cession movement.
 FCO141/12405 Sarawak Angkatan Semangat Anaknegeri Sarawak (ASAS) - a native association of Sarawak.
 FCO144/12404, Sarawak women's branch of Malay National Union of Sarawak.
 FO371/84678 Anti-cession feeling in Sarawak and assassination of Mr Stewart.
Sarawak Gazette, 1 February 1936.
Sarawak Gazette, 1 March 1937.
Sarawak Gazette, January 2, 1936.
Sinar Sarawak, 22 Ogos 1978.

Straits Budget, 17 October 1935.

The Singapore Free Press, 5 December 1949.

Sumber Kedua

Abang Yusuf Puteh, *A Profile of Sarawak Malays*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005.

Ahmad Bin Sabu, Mohd. Zain Bin Abang Ismail dan Samsol Bin Morshidi Bujang, *Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak: 80 Tahun Meniti Waktu*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 2020.

Mohd. Hasbie bin Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, Johor Bahru: PGI Cipta Sdn. Bhd., 2004.

Nordi Achie, *Rosli Dhoby dan Rukun 13*, Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya, 2018.

Porrit, Vernon L. *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.

Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Sastera, 1999.

Reece, Bob, *Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, Kuching, Sarawak Literary Society, 1993.

Reece, R. H. W. *The Name of Brooke: The end of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1993.

Roff, William R., *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003

Safri A. Zaidell, *Yesterday: A Better Tomorrow*, Kuching: Safri A. Zaidell, 2009.

Said Bin Haji Mohidin, *Pemberontakan Di Brunei 1962*, Limbang: Haji Said Bin Haji Mohidin, 2010.

Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Melayu Sarawak Pramerdeka*, Sibul: Vicskill Sdn. Bhd., 1995.

Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2010.

Sanib Said, *Melayu Dibawah Brooke, 1841- 1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu, Sarawak Museum Journal*, Vol.XL, No.61 (New Series), December 1989, hlm.93.